

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans Kemalangan Diri 'Perfect 10 Plus'

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Kemalangan Diri 'Perfect 10 Plus'. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma and syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindung anda terhadap kematian atau hilang upaya disebabkan kemalangan luaran yang serius dan nyata yang terjadi secara tunggal dan langsung tanpa kejadian lain. Polisi ini juga melindungi Liabiliti Diri, Perlindungan Kewangan, Pelindungan Penculikan, Bantuan Pemindahan Perubatan dan Penghantaran Pulang dari Luar Negara. Keganasan tidak termasuk senjata nuklear, kimia atau biologi pemusnah besar-besaran adalah dilindungi.

Kelayakan – Warganegara Malaysia, Penduduk Tetap Malaysia, Pemegang Permit Kerja di Malaysia dan suami/isteri atau anak mereka yang tinggal di Malaysia. Usia Orang Yang Diinsuranskan mestilah 30 hari hingga 18 tahun atau sehingga mencecah 23 tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi sehingga usia 65 tahun. Polisi boleh diperbaharui sehingga usia 70 tahun.

Pakej keluarga akan melindungi anda, suami/isteri yang sah dan tiada had bilangan anak anda bersama suami/isteri sah yang dinamakan berusia antara 30 hari hingga 18 tahun atau sehingga 23 tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi. Perlindungan suami/isteri anda adalah bersamaan dengan anda dan setiap anak dilindungi sehingga 20% daripada faedah anda.

2. Apakah perlindungan/faedah yang diberikan?

Sila rujuk kepada Jadual Faedah dalam risalah produk dan Polisi.

Tempoh perlindungan lazimnya adalah selama setahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan anda setiap tahun melainkan anda telah mendaftar arahan pembayaran pembaharuan automatik untuk pembaharuan secara automatik, tertakluk kepada terma dan syarat.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar berbeza bergantung kepada pelan yang dipilih dan pekerjaan anda. Anda boleh merujuk kepada risalah untuk maklumat terperinci.

4. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar adalah:

Jenis	Amaun
Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)	0% daripada premium dari 1 Jun 2018
Duti Setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	25% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

Kepentingan membuat Pendedahan

- (i) MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadikan kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- (ii) Pematuhan syarat-syarat polisi – kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat polisi akan menyebabkan semua tuntutan menjadi tidak sah.
- (iii) Syarikat adalah berhak untuk memeriksa Orang Yang Diinsuranskan semasa tuntutan dibuat dan sekiranya berlaku kematian, untuk membuat bedah siasat di mana ia tidak dilarang di sisi undang-undang.
- (iv) Apabila berlaku sebarang kemalangan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah polisi ini, anda mestilah memaklumkan kepada Syarikat berserta dengan butiran lengkap kemalangan/kecederaan dalam tempoh 14 hari selepas kemalangan.

6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Melahirkan anak atau keguguran;
- Pembunuhan dan serangan disebabkan provokasi;
- Bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengaja atau sebarang percubaan seperti itu ketika siuman atau tidak siuman;
- Membuat penerbangan atau perjalanan dalam pesawat melainkan sebagai penumpang berbayar dalam pesawat komersial berlesen mengikut laluan yang dijadualkan;
- Keadaan pra-wujud dan sebarang bentuk penyakit;
- Melakukan atau cuba untuk melakukan sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang;
- Pengaruh alkohol atau dadah yang tidak dipreskripsi oleh pengamal perubatan berdaftar;

- Sukan profesional, luncur air, seni mempertahankan diri, sebarang bentuk perlumbaan selain daripada menggunakan kaki mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau juru pandu atau penggunaan mesin pertukangan kayu yang dipacu oleh kuasa mekanikal;
- Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit Kompleks Berkaitan AIDS (ARC).

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan 7 hari notis bertulis kepada syarikat insurans. Selepas pembatalan, anda berhak mendapat jumlah bayaran balik premium mengikut kadar jangka pendek Syarikat berdasarkan tempoh insurans yang belum tamat sekiranya tiada tuntutan di bawah polisi ini.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menjurut sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmGeneral Insurance Berhad

Tingkat 13, Menara Shell,
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,
50470, Kuala Lumpur,
Malaysia

Talian Bebas	:	1-800-88-6333
Faks	:	03-2268-2222
E-mel	:	corporate@kurnia.com
Laman Web	:	www.kurnia.com

10. Lain-lain perlindungan sejenis yang ada.

Sila rujuk kepada laman web kami di www.kurnia.com

NOTA PENTING:

ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANSINI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Informasi yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 01 Jun 2018.